

KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MALAYAN BANKING BERHAD

Rujukan Kami : MN/CIR/0009/2025

25th November 2025

Salam Sejahtera Ahli-Ahli Yang Dihormati,

INSURANS PERUBATAN KELUARGA UNTUK HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN ETIQA KHAS UNTUK PEKERJA MAYBANK

Kami ingin mengingatkan kepada ahli-ahli MAYNEU bahawa tawaran **INSURANS PERUBATAN KELUARGA UNTUK KEMASUKAN HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN ETIQA** khas untuk pekerja-pekerja Maybank telah dibuka melalui email rasmi maybank kepada setiap pekerja-pekerja bukan eksekutif Maybank Berhad yang layak serta tiada mempunyai pemotongan insurans perubatan keluarga untuk hospital dan pembedahan daripada syarikat-syarikat insurans yang lain.

Menerusi penelitian kami Insurans Perubatan Keluarga Hospital Dan Pembedahan Etiqa ini mempunyai cawangan-cawangan hospital pakar yang banyak dan hampir menyelurahi Semenanjung Malaysia. Kelebihan ini akan memberi kemudahan kepada keluarga ahli-ahli MAYNEU yang layak untuk mendapatkan rawatan dan lebih-lebih lagi ketika mereka berada didalam situasi kecemasan. Ahli-ahli perlu memberi maklum balas sebelum tarikh akhir penutupan tawaran iaitu pada **26/12/2025**.

Di kesempatan ini kami juga ingin menerangkan bahawa perjanjian kolektif di antara pihak majikan dan kesatuan sekerja tidak mempunyai diskriminasi terhadap pekerja-pekerja bukan ahli kepada kesatuan sekerja tertentu didalam penerimaan faedah-faedah seperti yang termaktub didalam sesuatu perjanjian kolektif dan adalah termaktub didalam undang-undang Malaysia di bawah AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 1967 (AKTA 177) SEKSYEN 17(1)(a)(b).

Kami mengalu-alukan semua pekerja-pekerja bukan eksekutif untuk menyertai Kesatuan Mayneu bagi menjamin perlindungan terhadap hak-hak pekerja, menjamin pendapatan yang lebih tinggi, menjamin pembelaan terhadap kes-kes penindasan terhadap ahli dan menjamin masa depan yang lebih cerah.

Objektif Kesatuan Mayneu pada masa ini adalah untuk mendapatkan hak rundingan tunggal didalam perjanjian kolektif yang akan datang dengan mendapatkan majoriti ahli didalam MAYBANK. Bakal-bakal ahli yang ingin menyertai kesatuan MAYNEU boleh melayari laman web kami di <https://mayneu.org.my/> ataupun hubungi wakil-wakil kami mengikut butiran berikut:

1. REGION PKP (PENANG,KEDAH,PERLIS)	ENCIK MOHAMAD SHAMSUL	NO TEL: 0134020455
2. REGION PKT (PAHANG,KELANTAN,TERENGGANU)	ENCIK KHAIRULSYAH	NO TEL: 0139366060
3. REGION SNS (SELANGOR,NEGERI SEMBILAN)	ENCIK FAZLY HAMID	NO TEL: 0122775934
4. REGION JM (JOHOR,MELAKA)	ENCIK KAMARUDIN	NO TEL: 0136014322
5. REGION WP (WILAYAH PERSEKUTUAN)	ENCIK ABDULLAH SYAM	NO TEL: 0137070662
6. REGION PRK (PERAK)	ENCIK ZAKRI IDRUS	NO TEL: 0162700016



JESNI MAHMOOD
SETIAUSAHA
KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF
MALAYAN BANKING BERHAD (MAYNEU)

s.k. Presiden, MAYNEU